



FAKTOR PENGLIBATAN WANITA DALAM FENOMENA PENYALAHGUNAAN DADAH

(Factors of Women's Involvement in The Phenomenon of Drug Abuse)

Mohamad Fauzi Abdul Latib^{1*}, Nur Anisa Shahira Abdullah¹, Fauzana Zaik¹

¹Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding Author Email: fauzilatif@unisza.edu.my

Received: 21 April 2022 • Accepted: 22 April 2022 • Published: 30 April 2022

Abstract

The involvement of women with symptoms of drug abuse has had a negative impact not only on the country but provided great challenges towards achieving the goal of forming a prosperous family. The involvement of women in the scene of drug abuse is not solely due to the enjoyment of the drug itself but it is driven by other factors such as managing the body and maintaining beauty. The main objective of this research is to identify the factors of women's involvement in the phenomenon of drug abuse in Malaysia. This research is a qualitative research that has been conducted at the Narcotics Addiction Rehabilitation Center (PUSPEN), Bachok, Kelantan. This study has involved in -depth interviews with 25 respondents consisting of female residents in PUSPEN, Bachok. The results obtained were analyzed manually using thematic analysis methods. The results of the study have identified that there are 11 factors to the involvement of women in the phenomenon of drug abuse. Among the factors are stress, boredom, excitement, wanting to try, challenged abstinence, the influence of friends, loneliness, beauty, being neglected and to make work.

Keywords: Drug abuse; Women; Involvement factors

Abstrak

Penglibatan wanita dengan gejala penyalahgunaan dadah telah memberikan kesan yang negatif bukan sahaja kepada negara tetapi memberikan cabaran besar ke arah pencapaian matlamat pembentukan keluarga sejahtera. Penglibatan wanita ke dalam kancah penyalahgunaan dadah bukanlah semata-mata disebabkan oleh kenikmatan dadah itu sendiri tetapi ianya didorong oleh faktor lain seperti menguruskan badan dan menjaga kecantikan. Objektif utama penyelidikan ini adalah mengenal pasti faktor penglibatan wanita dalam

fenomena penyalahgunaan dadah di Malaysia. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan berbentuk kualitatif yang telah dijalankan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), Bachok, Kelantan. Kajian ini telah melibatkan temu bual mendalam terhadap 25 orang responden yang terdiri daripada penghuni wanita di PUSPEN, Bachok. Hasil kajian yang diperolehi telah dianalisis secara manual dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil dapatan kajian telah mengenal pasti bahawa terdapat 11 faktor kepada penglibatan wanita dalam fenomena penyalahgunaan dadah. Antara faktor tersebut adalah tekanan, kebosanan, keseronokan, ingin mencuba, pantang dicabar, pengaruh kawan, kesunyian, kecantikan, terabai dan untuk membuat kerja.

Kata kunci: Penyalahgunaan dadah; Wanita; Faktor penglibatan

Cite as: Abdul Latib, M.F., Abdullah, N.A.S., Zaik, F. (2022). Factors of Women's Involvement in The Phenomenon of Drug Abuse. *Asian People Journal*, 5(1), 155-168.

INTRODUCTION

Gejala dadah bukan lagi satu isu baharu bagi masyarakat Malaysia dan masyarakat seluruh dunia. Semakin hari, jumlah pengguna dadah tanpa mengira jantina, usia, bangsa dan agama semakin meningkat. Jika dahulu dikatakan bahawa lelaki lebih sinonim dengan penyalahgunaan dadah, namun kini wanita turut serta terlibat dalam gejala ini. Mohamed (2015) mendefinisikan dadah sebagai apa jua jenis bahan (selain dari makanan) dengan sifat kimia atau fizikalnya yang mengubah struktur atau kefungsi organisma yang hidup. Manakala menurut definisi World Health Organisation (2003), dadah merupakan satu bahan kimia yang wujud dalam bentuk asli atau tiruan yang digunakan untuk tujuan diagnosis dan terapeutik. Menurut Buku Maklumat Dadah 2020 yang telah dikeluarkan oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), sepanjang bulan Januari hingga Disember 2020, seramai 128,325 orang pengguna dadah serta bahan telah dikesan oleh pihak AADK. Sejumlah 122,561 orang daripada jumlah tersebut terdiri daripada pengguna dadah lelaki manakala selebihnya yang berjumlah 5,764 orang adalah wanita. Secara amnya, pada tahun 2020, majoriti golongan lelaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah iaitu 95.5 peratus berbanding golongan wanita yang hanya 4.5 peratus. Walaupun bilangan yang terlibat tidak ramai, namun angka tidak rasmi dari pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan menganggarkan bilangan ini melebihi 10 hingga 15 kali ganda kerana ramai wanita yang menggunakan dadah tetapi tidak sehingga ke tahap menjadi penagih dadah (Mohamed & Marican, 2012)

Wanita merupakan salah satu aset penting negara yang perlu dibangunkan untuk membolehkan mereka menyumbang secara berkesan dan aktif kepada pembangunan negara (Ibrahim, Zakaria, Nen, Sarnon & Saim, 2014). Namun begitu, pembangunan negara yang pesat menyebabkan perubahan peranan wanita dari segi identiti, tanggungjawab dan kerjaya. Wanita menghadapi pelbagai tekanan akibat daripada perkembangan dan perubahan yang berlaku sehingga menyumbang kepada peningkatan gejala sosial dalam kalangan wanita. Fenomena wanita terlibat dalam penyalahgunaan dadah bukan semata-mata disebabkan oleh kenikmatan dadah itu sendiri, namun juga disebabkan oleh sebab-sebab lain seperti ingin menjaga kecantikan diri dan menguruskan badan (Mahmood, Ismail, Noor Azniza & Muhamad Dzahir, 2005) di samping faktor terpengaruh oleh suami yang juga merupakan seorang pengguna dadah (Ibrahim et al., 2014). Faktor gaya hidup juga memainkan peranan penting dalam gejala penyalahgunaan dadah di kalangan wanita (Brady, Back & Greenfield, 2017).

Menurut kajian, sebilangan pengguna dadah wanita pernah menjadi mangsa penderaan seksual dan fizikal yang menyebabkan tekanan penderaan yang mendalam (Mahmood, 2005). Tekanan ini sering dianggap sebagai punca mereka terjebak dalam penyalahgunaan dadah. Kajian Rosenbaum (1981), Hser (1987), Thom (1995), Nelson-Zlupko et al. (1996), Ettorre (1996), dan Estanbez dan Cifuentes (1997) menunjukkan bahawa wanita menggunakan dadah dalam jumlah yang lebih rendah daripada pengguna lelaki namun lebih cepat ketagih dan lebih gemar menggunakan bahan bersifat sedatif. Hal ini bermakna mereka perlu diberikan pemulihan dan rawatan yang berbeza daripada kaum lelaki (Marican, Mohamed & Ismail, 2007).

Sehubungan itu, ada keperluan mendesak untuk mengetahui fenomena penagihan dadah di kalangan wanita di Malaysia serta faktor yang mempengaruhi penggunaan di samping kesan penagihan dadah. Pembabitan wanita dengan dadah adalah satu gejala yang serius kerana ini akan melibatkan pendedahan wanita kepada risiko kesihatan mental dan fizikal yang akan memudaratkan kualiti dan kesejahteraan hidup mereka (Marican et. al, 2007). Dengan adanya kajian seperti ini, diharap agar perkhidmatan sistem kesihatan sosial di negara ini akan lebih terurus dan akan turut menitikberatkan rawatan dan pemulihan dalam kalangan pengguna dadah wanita.

Sorotan Literatur

Di Malaysia, ramai penyelidik sains sosial tempatan telah menjalankan kajian mengenai fenomena penyalahgunaan dadah yang telah sekian lama membadaai negara kita. Antaranya kajian-kajian berkaitan faktor penglibatan individu khususnya lelaki dalam kancah penyalahgunaan dadah, tingkah laku penyalahgunaan dadah berulang (relaps), program rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah serta implikasi penyalahgunaan dadah terhadap kesihatan khususnya penyakit. Meskipun begitu, sehingga kini masih kurang lagi pengkaji atau sarjana tempatan yang membincangkan fenomena penyalahgunaan dadah dalam konteks wanita (Ismail, Rashid, Abd Wahab & Ishak, 2019).

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita. Antaranya adalah diri sendiri, keluarga, rakan sebaya dan sejarah kehidupan yang sukar. Menurut Sloboda dan Bukoski (2006), diri sendiri merupakan punca yang menyumbang kepada penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita. Wanita yang mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah lebih cenderung untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah berbanding dengan wanita daripada golongan yang berpendidikan tinggi. Hal ini kerana, wanita yang berpendidikan tinggi memiliki pengetahuan dan kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah dan mengetahui kesan buruk terhadap penggunaannya berbanding wanita yang berpendidikan rendah (Merican et. al, 2007)

Kajian oleh Brady, Back dan Greenfield (2017) pula menyatakan bahawa pendorong kepada penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita adalah keluarga mereka sendiri. Hal ini adalah berdasarkan kepada permasalahan dalaman keluarga yang melibatkan masalah sistem keluarga itu sendiri. Kemungkinan dan peratusan seseorang wanita itu terlibat dengan penyalahgunaan dadah apabila mempunyai ahli keluarga yang turut terlibat dalam gejala penyalahgunaan dadah adalah tinggi (Chan, Butterworth, Becker, Degenhardt, Stockings, Hall & Patton, 2019) Hal ini kerana mereka sering didedahkan dengan persekitaran sedemikian, sama ada mereka terlibat secara sukarela ataupun secara paksaan oleh ahli keluarga sendiri.

Selain itu, apabila berlakunya permasalahan keluarga seperti penceraian, poligami dan penderaan kanak-kanak, ianya berkait rapat dengan penggunaan heroin (Hussain & Mustafa, 2000). Keadaan ini berkait rapat dengan tekanan emosi dan cara anak-anak menghadapi permasalahan dalam hidup mereka. Apabila berlakunya pergolakan

rumah tangga, ianya akan mendorong kepada tekanan emosi yang sangat tinggi dalam keluarga tersebut terutamanya kepada anak-anak. Apabila anak-anak atau khasnya anak perempuan sedang mengalami tekanan daripada keadaan ini, mereka akan lebih mudah untuk terpengaruh dengan gejala buruk seperti gejala penyalahgunaan dadah (Mohamed & Marican, 2012). Hal ini kerana mereka cuba mencari cara-cara untuk mereka melepaskan diri mereka daripada tekanan tersebut.

Menurut Hussain dan Mustafa (2017), ibu bapa mempunyai pengaruh yang cukup besar ke atas tingkah laku, perlakuan dan perangai anak-anak mereka. Segala apa yang diterapkan oleh ibu bapa akan diikuti oleh anak-anak. Ibu bapa yang sibuk dan tidak pandai menguruskan masa dengan baik memudahkan mereka berasa tertekan dan seterusnya berlakulah pergaduhan di antara satu sama lain yang akhirnya menyebabkan mereka sendiri terlibat dengan penyalahgunaan dadah (Fauziah, Bahaman, Mansor & Mohamad Shatar, 2012). Maka, hal ini menunjukkan kegagalan ibu bapa dalam menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak. Perkara sebegini akan menyebabkan anak-anak tertekan dan mula melibatkan diri dalam perkara yang negatif (Muhyiddin & Azizah, 2016). Menurut Lam Choong Kie (2017), ibu bapa yang terlalu sibuk dengan urusan kerjaya dan bilangan ahli keluarga yang ramai akan menyebabkan mereka tidak memberi tumpuan yang secukupnya kepada permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak mereka terutama golongan remaja. Oleh itu, keadaan sesebuah keluarga boleh mempengaruhi anak-anak atau secara khasnya, anak wanita dalam keluarga tersebut untuk terlibat dengan gejala dadah.

Menurut Mahyuddin et. al, (2016) pula, rakan sebaya adalah individu yang memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang remaja. Responden telah bersetuju bahawa rakan lebih memahami masalah mereka berbanding ahli keluarga sendiri. Pengaruh rakan sebaya berkaitan dengan masalah tingkah laku dan disiplin. Apabila seseorang mula terlibat dengan rakan sebaya yang menggunakan dadah, maka akan wujud daya tarikan untuk mereka sama-sama terlibat dalam gejala tersebut. Seterusnya, pelajar-pelajar di sekolah menengah biasanya mempunyai kelompok mengikut minat masing-masing (Ludin, 2015). Sejauh mana minat seseorang individu itu adalah bergantung kepada sejauh mana kuatnya daya tarikan daripada rakan sebaya mereka. Sebagai contoh, pelajar akan mula terpengaruh apabila rakan mereka sering mengajak mereka untuk menggunakan dadah.

Selain itu, menurut Amy Loh Siew (2000), kebanyakan individu yang terlibat dengan masalah dadah adalah kerana mereka dipengaruhi oleh sekumpulan rakan sebaya mereka. Remaja akan banyak menghabiskan masa bersama rakan sebaya contohnya dalam tempoh waktu persekolahan ataupun pada hujung minggu. Maka, dengan desakan daripada kumpulan rakan sebaya akhirnya menyebabkan pendirian mereka semakin goyah dan turut terlibat dalam penyalahgunaan dadah (Mahyuddin et. al, 2016). Oleh itu, jelaslah bahawa pengaruh daripada rakan sebaya boleh menjadi punca kepada remaja atau secara khasnya, remaja wanita untuk terlibat dan terjerumus dalam masalah penyalahgunaan dadah tersebut.

Berdasarkan kajian daripada Brady et. al, (2017), sejarah kehidupan yang sukar akan mempengaruhi seseorang wanita untuk terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah. Wanita yang pernah mengalami peristiwa hitam seperti penderaan fizikal, seksual, psikologikal, pelacuran dan diabaikan, apabila dia meningkat dewasa, wanita tersebut akan mengalami kesukaran untuk menjalani dan berhadapan dengan realiti kehidupan yang lebih positif. Hal ini menyebabkan mereka lebih mudah untuk terjerumus dalam gejala penyalahgunaan dadah.

Pernyataan Masalah

Menurut Mahyuddin (2016), penyalahgunaan dadah tidak mengenal mangsa. Sesiapa sahaja boleh terlibat dengan penggunaan dadah. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai kategori manusia yang boleh terjebak dengan masalah

penyalahgunaan dadah sama ada melibatkan lelaki mahupun wanita (Mohamed, 2012). Pelbagai inisiatif dan langkah telah diambil oleh pelbagai pihak dalam proses menangani dan membanteras gejala ini. Namun begitu, jumlah yang terlibat dalam kes penyalahgunaan dadah tidak berkurang malahan semakin meningkat.

Menurut Buku Maklumat Dadah 2020 yang telah dikeluarkan oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), sepanjang bulan Januari hingga Disember 2020, seramai 128,325 orang penyalah guna dan pengguna dadah serta bahan telah dikesan oleh pihak AADK. Sejumlah 122,561 orang daripada jumlah tersebut terdiri daripada pengguna dadah lelaki manakala selebihnya yang berjumlah 5,764 orang adalah wanita. Secara amnya, pada tahun 2020, majoriti golongan lelaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah iaitu 95.5 peratus berbanding golongan wanita yang hanya 4.5 peratus. Walaupun bilangan yang terlibat tidak ramai, namun angka tidak rasmi dari pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan menganggarkan bilangan ini melebihi 10 hingga 15 kali ganda kerana ramai wanita yang menggunakan dadah tetapi tidak sehingga ke tahap menjadi penagih dadah (Mohamed & Marican, 2012). Justeru, penyelidikan ini dilakukan bertujuan untuk menyelidik apakah punca berlakunya gejala penyalahgunaan dalam kalangan wanita khususnya.

METODOLOGI

Bagi penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Menurut Othman (2009), penyelidikan berbentuk kualitatif penting untuk memperoleh maklumat yang lebih mendalam tentang elemen-elemen lain yang tidak boleh diukur menggunakan skala nombor. Melalui kaedah ini, penyelidik merasakan bahawa ianya lebih bersesuaian untuk memperoleh data yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian. Menurut Robson (2002), dalam penyelidikan kualitatif yang berbentuk ‘grounded theory’, penyelidik perlu pergi ke lapangan dengan fikiran terbuka tanpa berpegang kepada mana-mana teori tetapi mempunyai pengetahuan tentang kajian-kajian terdahulu yang berkaitan.

Bagi menjalankan penyelidikan ini, penyelidik telah memilih responden yang terdiri daripada penghuni-penghuni PUSPEN, Bachok, Kelantan untuk dijadikan sebagai sampel. Penyelidik telah berjaya menemui bual 19 orang penghuni wanita dari pusat tersebut. Penyelidik telah memilih sampel dari PUSPEN, Bachok, Kelantan kerana pusat tersebut merupakan pusat pemulihan dadah yang terdiri daripada penghuni wanita sahaja dan hal ini memudahkan lagi perjalanan penyelidikan ini kerana penyelidik ingin mengkaji tentang fenomena penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita. Kebenaran dan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak PUSPEN, Bachok, Kelantan dalam proses menemui bual sampel turut menjadi faktor kepada pemilihan lokasi kajian ini.

Penghuni PUSPEN yang telah dipilih sebagai sampel adalah berumur di antara 20 tahun sehingga 30 tahun. Bilangan penghuni yang telah berjaya ditemui bual sehingga ke sesi terakhir adalah seramai 25 orang. Kajian yang dijalankan ini berbentuk kualitatif dan tidak memerlukan bilangan sampel yang terlalu ramai seperti kaedah penyelidikan kuantitatif. Metod atau kaedah dalam penyelidikan kualitatif ini bukanlah untuk tujuan generalisasi, sebaliknya bertujuan untuk mendalami tentang penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita dengan menggunakan kekayaan data melalui kaedah temu bual mendalam. Oleh itu, bilangan responden seramai 25 orang ini sudah mencukupi untuk mengkaji tema-tema penyelidikan dan memudahkan proses mengumpulkan maklumat dan temu bual.

Disebabkan penyelidikan yang dijalankan ini berbentuk kualitatif, maka alatan yang digunakan adalah dengan melakukan temu bual mendalam (in-depth interview). Kaedah ini digunakan bagi memperoleh maklumat dengan lebih banyak dan mendalam daripada responden berkaitan fenomena penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita. Melalui temu bual mendalam, penyelidik akan mendapat maklumat yang lebih mendalam tentang penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita melalui penerangan yang diberikan berdasarkan soalan yang diajukan kepada mereka tentang penyalahgunaan dadah daripada pengalaman mereka sendiri.

Temu bual tersebut telah dijalankan secara individu dan bersemuka di antara penyelidik dan responden dengan menggunakan topik yang telah ditentukan oleh penyelidik. Bagi menggalakkan serta memberikan kebebasan kepada responden menceritakan pengalaman mereka dengan lebih mendalam, temu bual tersebut telah menggunakan lebih banyak soalan terbuka. Topik ini penting sebagai garis panduan kepada penyelidik ketika menjalankan sesi temu bual agar proses pengumpulan data berjalan dengan lancar, tidak tersasar dan lebih memfokuskan kepada persoalan kajian yang ingin dikaji.

Data yang telah dikumpul telah di analisis secara manual setiap kali selepas sesi temu bual dilakukan bagi setiap responden. Proses analisis tersebut telah melihat kepada tema-tema atau konsep-konsep yang muncul daripada setiap responden. Pada waktu ini akan terjadilah constant comparative method di mana maklumat yang diperoleh akan disaring sehingga menemui tema tertentu yang dikemukakan oleh seorang responden dan penyelidik akan membezakannya dengan tema tertentu yang dikemukakan oleh responden yang lain. Setelah itu, setiap dari kategori data telah dianalisis secara melintang bagi mengenal pasti tema yang mempunyai persamaan dan telah dikelompokkan sebagai satu tema yang sama. Apabila tema-tema yang muncul itu diperoleh, ianya telah dianalisis pula mengikut persoalan dan objektif kajian.

HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa terdapat sebelas faktor yang menyebabkan berlakunya penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita. Faktor tersebut termasuklah tekanan, masalah hidup, perasaan ingin mencuba, kecantikan, keseronokan, pengaruh kawan, pekerjaan, kebosanan, pantang dicabar, kesunyian dan pengabaian.

Seramai dua puluh lima orang responden iaitu kesemua responden telah menyatakan bahawa tekanan merupakan faktor utama kepada berlakunya penyalahgunaan dadah dalam kalangan mereka. Faktor tekanan ini juga berhubung kait dengan punca masalah yang akan dibincangkan dalam faktor seterusnya. Ini kerana apabila seseorang mengalami masalah, mereka akan berasa tertekan. Tekanan yang dihadapi inilah yang akan membawa kepada penyalahgunaan dadah mahupun perkara-perkara lain yang memudaratkan diri mereka. Apabila berlakunya permasalahan keluarga seperti perceraian ibu bapa, poligami dan penderaan kanak-kanak, ianya berkait rapat dengan penyalahgunaan dadah heroin (Hussain et. al, 2017).

Melalui kajian ini, ramai responden yang menyatakan bahawa mereka mengalami tekanan akibat daripada masalah rumah tangga sehingga menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk menggunakan dadah. Selain itu, berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Brady et. al, (2017), sejarah kehidupan yang sukar juga akan mempengaruhi seseorang wanita terlibat dalam kancah penyalahgunaan dadah. Hal ini menunjukkan bahawa tekanan yang dialami daripada kesukaran hidup atau masalah rumah tangga boleh menyebabkan seorang wanita mengambil langkah mudah untuk menghilangkan rasa tertekan tersebut dengan menggunakan dadah. Oleh itu,

semua orang perlu belajar menangani tekanan dan cuba untuk berfikir waras semasa mengalami sebarang tekanan supaya tidak terjebak dalam melakukan perkara yang tidak diinginkan.

“Hilangkan stress, tension. Time tension, kita ambik.” (Responden 1)

“Stress ork. Stress, tekane kade baloh laki bini. Kade-kade panda-panda nok mencubo tu toktau lah ho. Pah lagi kalu pengalame hok saing-saing ni jenih hok mok ayoh jenih hok tok ambik caro ho. Ikut dei jah duduk mano-mano pun. Stress duk dumoh la. Gitu je la.” (Responden 4).

“Em sebab stress dengan suami. Sebab masalah dengan dia lah. Sakit hati ngat aih kat dia. Sebab dia suka bagi masalah kat kita.” (Responden 10).

Faktor kedua kepada berlakunya penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita adalah disebabkan oleh masalah hidup yang mereka alami. Seramai lapan belas orang responden yang ditemu bual menyatakan bahawa masalah yang dihadapi dalam kehidupan telah menyebabkan mereka terjebak dalam penyalahgunaan dadah. Hal ini menunjukkan bahawa apabila seseorang mempunyai sebarang masalah dan tidak mampu untuk mengendali masalah tersebut dengan baik, mereka akan melakukan sesuatu untuk cuba melupakan masalah tersebut walaupun hanya sebentar sahaja meskipun perkara tersebut boleh mendatangkan mudarat terhadap diri mereka sendiri.

Menurut Hussain et. al, (2017), ada pesakit yang menyatakan bahawa kesan keseronokan yang dialami semasa mengambil heroin boleh menyebabkan mereka lupa keresahan yang di alami. Responden penyelidikan ini turut menyatakan hal yang sama, bahawa disebabkan oleh masalah yang dihadapi terutamanya masalah dengan suami telah menyebabkan mereka mengambil langkah untuk menggunakan dadah sebagai platform untuk melupakan masalah tersebut. Oleh itu, seseorang perlu bijak dalam menangani masalah yang dihadapi supaya tidak menjuruskan mereka kepada melakukan perkara di luar kawalan serta memudaratkan.

“Masalah diri aaa. Masalah dengan bekas husband en sebab dia buat kita stress. Pastu arr bila dah cerai tu.” (Responden 5).

“Kadang-kadang daripada masalah family. Kadang, memang la kita cuba nak memahami en, kadang family kita pun tak bagi sokongan, tak memahami kita en, kita jadi macam emm bawak diri masing-masing haa tu yang tersalah tu.” (Responden 13).

Seterusnya, faktor ketiga yang telah menyebabkan responden penyelidikan ini terjebak dalam kancuh penyalahgunaan dadah adalah perasaan ingin mencuba. Perasaan ingin mencuba ini boleh dikatakan antara faktor yang sering menjadi penyebab utama seorang wanita terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Seramai enam belas orang responden menyatakan bahawa mereka mula terlibat dengan penyalahgunaan dadah disebabkan oleh perasaan ingin mencuba. Disebabkan perasaan ingin tahu dan ingin mencuba inilah yang menyebabkan mereka mula terjebak, seterusnya sukar untuk berhenti dan akhirnya merosakkan diri dan masa depan mereka. Pada awalnya mereka hanya mencuba atas dasar keseronokan namun mereka tidak tahu bahawa perasaan ingin mencuba ini akhirnya akan membawa padah kepada diri mereka. Setelah mencuba untuk kali pertama, mereka dapat merasai suatu perasaan yang menyeronokkan, khayal dan tenang. Setelah itu, mereka terus mengambil dadah tersebut berulang-ulang kali dan akhirnya mereka mula mengalami ketagihan. Oleh itu, setiap orang perlu berhati-hati dalam mencuba sesuatu benda supaya tidak menjerat diri.

“Saya sebab, saya en tengah sem lima en, pastu kitorang memang nak emm nak habiskan masa, taktau nak buat apa pastu kitorang pun pergilah club uh. Saje nak cuba jelah. Saya ikut kawan-kawan. Sebab diorang, satu rumah saya tu pergi.” (Responden 7).

“Punca, saja nak cuba. Aa tu jelah.” (Responden 11).

“Emm saja nak try. Tu jelah. Kawan – kawan beritahu yang benda tu sedap” (Responden 19).

Faktor yang keempat pula, menurut empat belas orang responden bahawa mereka terlibat dengan penggunaan dadah atas dasar menginginkan kecantikan dan badan yang kurus. Menurut Mahmood (2016), wanita kerap kali terlibat dalam penyalahgunaan dadah bukan semata-mata disebabkan oleh kenikmatan dadah itu sendiri namun disebabkan oleh sebab-sebab lain seperti ingin menjaga kecantikan diri dan menguruskan badan. Apabila ditanyakan soalan bagaimanakah penggunaan dadah boleh memberikan badan yang kurus, responden menyatakan bahawa setelah mengambil dadah, selera makan mereka akan berkurang dan mereka akan mempunyai tenaga yang banyak untuk melakukan pekerjaan.

Oleh itu, mereka pasti akan memperoleh badan idaman mereka sekiranya mereka banyak bekerja dan kurang makan. Semua wanita perlu mencari cara yang lebih sihat dan wajar untuk mengejar kecantikan dan berat badan yang ideal serta tidak perlu menggunakan dadah sebagai medium untuk mendapatkan kecantikan dan badan yang kurus kerana dadah boleh memberi kesan yang buruk pada diri sendiri.

“Nok kuruh je la. Sebab nok kuruh. Sebab dulu gemuk agi pado ni. Sebab hari-hari ea. Limo butir pete, limo butir pagi. Kalu jenis hokni, kito jadi cergas pahtu kito wak kijo. Mace kito tok ingat nok make. Make pun tok tentu maso. Mace tido pun tok tetu. Kade-kade, duo tigo pak hari pun kito tok tido. Hm kalu wak kijo tu sedak la. Tubuh pun rekng. Dulu la. Loni tokse doh.” (Responden 8).

“Kalau akak sendiri, masa tu baru lepas melahirkan baby kan pastu sepupu cakap, kau hisap batu aa nanti perut kempisla. Dia untuk kecantikan la.” (Responden 16).

Faktor yang kelima pula, yang telah menyebabkan responden terjebak dalam gejala penyalahgunaan dadah adalah keinginan untuk berseronok. Seramai empat belas orang responden juga telah menyatakan bahawa keinginan untuk berseronok atau “enjoy” juga merupakan salah satu punca kepada penglibatan mereka dalam kancan penyalahgunaan dadah. Oleh kerana kebosanan, seseorang cuba untuk mencari keseronokan dengan mengambil dadah. Pada tahun 1985, Universiti Sains Malaysia (USM) dengan anjuran bersama Pasukan Petugas Anti Dadah telah menjalankan kajian terhadap penghuni Pusat Serenti Tampin dan mendapati bahawa hampir 54 peratus daripada mereka yang terlibat dengan dadah adalah kerana ingin mencari keseronokan.

Selain itu, kajian Pusat Penyelidikan Dadah Universiti Sains Malaysia turut melaporkan bahawa 31.3 peratus pelajar Sekolah Menengah di Pulau Pinang dan Selangor mula terlibat mengambil dadah disebabkan oleh keinginan untuk keseronokan. Malahan menurut Hussain et. al, (2017) lagi, ada pesakit yang menyatakan bahawa kesan keseronokan yang dialami semasa mengambil heroin boleh menyebabkan mereka lupa keresahan yang di alami. Kajian oleh Zili dan Bukoski (2016), mengatakan bahawa mangsa apabila mengambil dadah ini mereka akan mengalami perasaan yang indah (euphoria) sehingga dapat melupakan semua masalah peribadi yang dihadapi.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa terdapat segelintir pengguna dadah yang menggunakan dadah sekadar untuk mendapatkan keseronokan diri semata-mata. Oleh itu, setiap orang terutama remaja dan wanita perlu mencari cara atau hobi yang boleh memberikan mereka keseronokan dan tidak sesekali memikirkan dadah sebagai cara untuk berseronok.

“Untuk hiburan, nak seronok. Bila tension tu layan tension dengan muzik. Untuk keseronokan la.” (Responden 9).

“Macam tu jugak la. Masa tu en memang untuk enjoy arr. Memang time tu memang saya enjoy kaw-kaw. Memang betul-betul la, clubbing la, memang ni arr.” (Responden 14).

Seterusnya, faktor keenam yang telah menyebabkan responden mulai menyalahgunakan dadah adalah disebabkan oleh pengaruh kawan – kawan. Terdapat tiga belas orang responden yang telah menyatakan bahawa mereka mula terlibat dengan penyalahgunaan dadah disebabkan oleh pengaruh rakan-rakan mereka. Pada awalnya, mereka tidak pernah kenal dan terlibat menggunakan dadah namun apabila dipengaruhi oleh kawan - kawan yang telah terlibat menggunakan dadah, maka responden pun mula berjinak-jinak dengan dadah. Tambahan pula, apabila responden mula dibebani dengan masalah hidup dan melihat kawan - kawan mereka berseronok dengan mengambil dadah, responden pun mula terpengaruh untuk terlibat sama mengambil dadah.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Pusat Penyelidikan Dadah Universiti Sains Malaysia pada tahun 1978 dan 1984 ke atas pelajar- pelajar sekolah Menengah di Selangor dan di Pulau Pinang telah mendapati bahawa sebanyak 42.6 peratus orang pelajar pada tahun 1978 dan 56.2 peratus orang pelajar pada tahun 1984 mula terlibat mengambil dadah disebabkan desakan dan pengaruh kawan - kawan. Di samping itu, antara faktor yang mendorong seseorang itu terjebak dengan penyalahgunaan dadah adalah berpunca daripada pengaruh kawan-kawan yang sememangnya telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah (Mohamed et. al, 2012). Perkara ini turut disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Dr. M. Mahadevan (1976), yang telah menyatakan bahawa antara faktor yang menyebabkan seseorang itu menjadi pengguna dadah adalah kerana tekanan dari kawan-kawan yang tidak dapat ditolak atau dihindari supaya mereka tetap diterima sebagai anggota kumpulan. Serta dijamin oleh kawan-kawan yang mendakwa nikmat dari dadah itu sungguh menakjubkan. Oleh itu, seseorang perlu bijak dalam memilih kawan dan tidak mudah terpengaruh dengan perbuatan yang tidak baik.

“Mula -mula, saya tak pernah kenal apa itu dadah... tak pernah terfikir pun nak ambil dadah. Tapi, kawan – kawan saya yang kenalkan dadah pada saya... mereka kata dadah ni tak merbahaya dan boleh tolong saya....” (Responden 6)

“Emm pengaruh kawan. Emm kesunyian. Emm yang tu je kot.” (Responden 14)

“Saya mula ambil dadah kerana ajakan kawan – kawan serumah saya.... mereka beritahu yang dadah ni best rasanya...” (Responden 17)

Faktor ketujuh pula yang telah menyebabkan responden mula menyalahgunakan dadah adalah untuk mendapatkan tenaga bagi melakukan pekerjaan. Faktor pekerjaan ini telah menyebabkan sebelas orang responden mulai mengambil dadah bagi membolehkan mereka bekerja dengan kuat dan dalam tempoh masa yang lama. Hal ini kerana sesetengah dadah seperti pil kuda boleh memberi tenaga yang berlebihan kepada penggunanya. Tenaga

iniilah yang menyebabkan pengguna dadah tersebut dapat melaksanakan pekerjaan mereka tanpa rasa penat.

Hal ini juga dikatakan boleh membantu memudahkan lagi kerja mereka lebih-lebih lagi bagi pihak wanita apabila banyak kerja dapat diselesaikan dalam tempoh pengaruh dadah tersebut. Namun begitu, dadah bukan sekadar memberi tenaga malahan boleh memberi kesan yang buruk kepada tubuh badan dan mental individu yang menyalahgunakannya. Oleh itu, seseorang perlu mencari cara seperti mendapatkan rehat secukupnya bagi mendapatkan tenaga yang mencukupi untuk melakukan pekerjaan mereka tanpa menggunakan khidmat bantuan dadah.

“Emm sebab cane ea. Aa nak enjoy, pastu nak kurus, pastu nak buat kerja.” (Responden 8).

“Saya kerap kali ambil pil kuda kerana bila saya ambil pil tu, saya dapat buat kerja saya dengan cepat dan banyak bila ambik pil tu, saya jadi kuat.” (Responden 11).

Faktor kelapan pula yang telah menyebabkan responden mula menyalahgunakan dadah adalah kebosanan. Perasaan bosan yang dirasai oleh responden telah menyebabkan sepuluh orang responden mulai mengambil dadah dengan niat untuk menghilangkan perasaan bosan tersebut. Kebosanan boleh menyebabkan seseorang cenderung untuk mencuba perkara baru semata-mata untuk mengisi masa lapang mereka dan untuk mencari keseronokan lebih-lebih lagi golongan remaja. Oleh itu, seseorang dinasihatkan supaya mencari aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat sebagai hobi untuk mengisi masa lapang dan ketika kebosanan. Hal ini adalah untuk mencegah daripada terjebak dalam hal-hal buruk seperti penyalahgunaan dadah.

“Pastu sebab cerai, hm untuk hilangkan boring lepastu nak enjoy. Duk sorang en. Bila sorang tu jadi macam stress nak enjoy.” (Responden 5).

“Lepas balik kerja, tak ada apa yang nak dibuat. Rasa bosan. Jadi nak hilangkan rasa bosan tu, ambil la dadah...” (Responden 9)

Seterusnya, bagi faktor kesembilan penglibatan responden dalam gejala penyalahgunaan dadah adalah perasaan pantang dicabar. Seramai sembilan orang responden menyatakan bahawa mereka mula mengambil dadah kerana sering dicabar oleh kawan – kawan mereka. Dapatan ini dapat dikaitkan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Kaplan, Martin dan Robbins (2011) yang menunjukkan bahawa kebanyakan individu yang mempunyai masalah dadah adalah kerana mereka dipengaruhi oleh sesebuah kumpulan rujukan iaitu satu rangkaian sosial yang digunakan oleh individu sebagai rujukan kepada kelakuan sehariannya. Kumpulan rujukan yang dinyatakan dalam hal ini dapat dikaitkan dengan kumpulan rakan sebaya.

Dalam peringkat remaja, pelajar lebih banyak menghabiskan masa bersama rakan sebaya contohnya dalam tempoh waktu persekolahan. Apabila rakan sebaya mereka terlibat dengan dadah dan mencabar mereka untuk turut mencuba, disebabkan oleh sifat pantang dicabar inilah yang menyebabkan mereka mula menggunakan dadah. Keegoan mereka telah menyebabkan kehidupan mereka musnah. Melalui penyelidikan ini juga mendapati bahawa responden mula terlibat menggunakan dadah kerana dicabar oleh kawan -kawannya dan akhirnya menjerat dirinya sendiri. Oleh itu, apabila dicabar untuk melakukan perkara yang tidak baik, mereka seharusnya merendahkan ego dan memilih untuk tidak menyahut cabaran tersebut supaya tidak memudaratkan diri mereka.

“Emm kalau pengalaman saya la, satu-satunya ingin mencuba. Lepastu stress. Pastu emm macam pantang dicabar. Tu yang ada dalam diri saya lah. Kalau orang lain saya tak tau. Tu dulu la. Kan budak-budak lagi waktu tu. Fikir tak panjang lagi.” (Responden 7).

“kawan – kawan saya ramai yang dok ambik dadah lepas balik sekolah. Saya selalu dok lepak dengan mereka lepas balik sekolah. Saya seorang saja yang tak join mereka ambik dadah. Jadi mereka selalu dok cabar saya. Mereka kata saya pengecut. Bila selalu dok kena cabar macam tu, last – last saya pun ambik dadah tu dan hisap dengan mereka.” (Responden 15)

Faktor kesepuluh pula, merupakan faktor kesunyian. Faktor kesunyian ini telah dinyatakan oleh enam orang responden sebagai salah satu faktor yang telah menyebabkan mereka mula mengenali dan terjebak dalam kancah penyalahgunaan dadah. Faktor ini juga seringkali dipandang sebagai punca minoriti dalam fenomena penggunaan dadah dalam kalangan wanita. Namun begitu, seseorang yang kesunyian cenderung untuk menggunakan dadah sebagai medium untuk mendapatkan keseronokan dan hiburan bagi dirinya.

Kesunyian di sini bermaksud apabila seseorang tidak mempunyai teman atau orang terdekat untuk meluahkan perasaan mahupun meluangkan masa bersama. Kesunyian mampu menyebabkan seseorang menjadi murung dan tertekan. Berdasarkan punca tekanan yang telah dibincangkan sebelum ini, tekanan boleh menyebabkan seseorang wanita mengambil dadah untuk melupakan tekanannya. Begitu juga dengan faktor kesunyian. Apabila seseorang wanita itu sudah cukup tertekan disebabkan oleh kesunyian hidupnya, dia akan cuba untuk menggunakan dadah sebagai cara untuk melupakan kesunyiannya. Oleh itu, seseorang itu perlu mencari pasangan hidup atau mendekatkan diri dengan masyarakat lain bagi menghilangkan rasa sunyi mereka supaya mereka tidak terlibat dengan perkara yang tidak baik.

“Emm pengaruh kawan. Emm kesunyian. Emm yang tu je kot.” (Responden 6).

“Antara sebab lain saya mula kenal dadah dan mengambil dadah terus – menerus kerana saya sentiasa merasa sedih dan sunyi. selepas tunang saya memutuskan pertunangan kami dan berkahwin dengan wanita lain, saya merasa sangat sedih dan sunyi.” (Responden 18).

Akhir sekali, faktor kesebelas yang telah menyebabkan responden mula mengenali dadah dan menyalahgunakannya adalah pengabaian. Menurut Lam Choong Kie (2017), ibu bapa yang sibuk dengan urusan kerjaya dan bilangan ahli keluarga yang ramai akan menyebabkan ibu bapa tidak dapat memberi tumpuan kepada permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak mereka terutama golongan remaja. Kesibukan ibu bapa mencari wang untuk kesenangan hidup menjadikan hidup anak-anak mereka terbiar dan tiada tempat untuk mengadu mahupun meminta bantuan apabila diperlukan. Perasaan terbiar dan terabai ini yang menyebabkan mereka mula memberontak dan ingin menunjukkan perasaan. Mereka mula mencari cara untuk melakukan perkara yang tidak baik semata-mata untuk menarik perhatian ibu bapa mereka. Oleh itu, mereka memilih untuk menggunakan dadah sebagai medium untuk memberontak dan menunjukkan bahawa mereka memerlukan perhatian. Namun, mereka tidak mengetahui bahawa tindakan mereka bukan sekadar menarik perhatian kedua ibu bapa mereka malahan boleh menyebabkan pelbagai perkara buruk terjadi kepada diri mereka. Oleh itu, ibu bapa perlu memainkan peranan dalam memberi perhatian yang secukupnya agar anak-anak tidak merasa terabai.

Hal yang sama juga diungkapkan oleh lima orang responden penyelidikan ini bahawa mereka mulai mengenai dadah dan menggunakannya akibat dari pengabaian kedua ibu bapa mereka dan juga suami mereka. Akibat dari pengabaian kedua ibu bapa mereka sewaktu mereka meningkat remaja, mereka mula menggunakan dadah sebagai jalan untuk mendapatkan ketenangan dan mengisi jiwa mereka yang kosong akibat kurang mendapat kasih – sayang dan perhatian dari ibu bapa mereka. Hal yang sama juga dirasakan oleh responden yang diabaikan oleh suami mereka.

“Sewaktu remaja dulu, ibu bapa saya sangat sibuk dengan perniagaan mereka. Tiada masa langsung untuk saya dan adik – adik. Kami kurang mendapat perhatian dan kasih – sayang ibu bapa kami. Jadi untuk mengubati hati dan diri, saya mula mengambil dadah” (Responden 9).

“Pah lagi kalau pengalame hok saing-saing ni jenih hok mok ayoh jenih hok tok ambik caro ho. Ikut de jah duduk mano-mano pun. Stress duk dumoh la. Gitu je la.” (Responden 14).

KESIMPULAN

Fenomena penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita yang berlaku di negara ini semakin hari semakin serius dan amat sukar untuk dibendung sekiranya semua lapisan masyarakat enggan bekerjasama dalam menangani fenomena ini. Penemuan kajian ini telah mendapati bahawa terdapat sebelas faktor berlakunya penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita. Responden telah berjaya menyenaraikan dan menghuraikan sebanyak sebelas faktor yang telah menyebabkan mereka mula mengenai dan menyalahgunakan dadah. Antaranya termasuklah tekanan, masalah hidup, perasaan ingin mencuba, kecantikan, keseronokan, pengaruh kawan, pekerjaan, kebosanan, pantang dicabar, kesunyian dan pengabaian.

Kajian tentang penyalahgunaan dadah sememangnya telah banyak dilakukan di negara ini. Ramai pengkaji telah mengkaji tentang pelbagai aspek dalam masalah penyalahgunaan dadah ini. Walaupun begitu, kajian tentang penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita masih kurang dijalankan di Malaysia. Sehubungan itu, ada keperluan mendesak untuk mengetahui fenomena penagihan dadah di kalangan wanita di Malaysia serta faktor yang mempengaruhi penggunaan di samping kesan penagihan dadah. Pembabitan wanita dengan dadah adalah satu gejala yang serius kerana ini akan melibatkan pendedahan wanita kepada risiko kesihatan mental dan fizikal yang akan memudaratkan kualiti dan kesejahteraan hidup mereka (Marican et. al, 2007). Dengan adanya kajian seperti ini, diharap agar perkhidmatan sistem kesihatan sosial di negara ini akan lebih terurus dan akan turut menitikberatkan rawatan dan pemulihan dalam kalangan pengguna dadah wanita.

RUJUKAN

- Ahmad, R., Khalil, S., Abdullah, S. A. J., Rahman, A. A., Isa, Y. M., Azrae, A. N., & Shariff, R. N. M. (2009). Undang-undang rawatan dan pemulihan dadah dari sudut pandangan global: Suatu perbandingan. *Journal Antidadah Malaysia*, 6(2), 1-45.
- Amy, L. S. (2000). Educational Research. New York: Mc Millan.
- Brady, K.T., Back, S.E., & Greenfield, S.F. (2017). Women & Addiction. London: The Guilford Press.

- Chan, G. C. K., Butterworth, P., Becker, D., Degenhardt, L., Stockings, E., Hall, W., & Patton, G. (2019). Longitudinal, patterns of amphetamine use from adolescence to adulthood: A latent class analysis of a 20 – year prospective study of Australians. *Drug Alcohol Dependence*, 194(1), 121-127.
- Fauziah, I., Bahaman, A. S., Mansor, A. T., & Mohamad Shatar, S. (2012). Penagih dadah dan keadaan berisiko tinggi kembali relaps. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 38-49.
- Hser, E. A. (1987). Sex differences in addict careers. First initiation of use. *American Journal Drug Alcohol Abuse*, 13(1), 33-57.
- Hussain, A. & Mustafa, A. G. (2017). Bersama perang dadah. Kuala Lumpur: Penerbit Sri Kenanga Sdn. Bhd
- Ibrahim, F., Zakaria, E., Nen, S., Sarnon, N., & Saim, N. J. (2014). Pengguna dadah wanita di Malaysia: Pengalaman penagihan dan hubungan kekeluargaan. *Jurnal Teknologi (Sains Sosial)*, 67(1), 17-25.
- Ismail, R. F., Rashid, R. A., Abd. Wahab, H., & Ishak, Z. (2019). Simptom kemurungan dalam kalangan penagih dadah wanita di pusat rawatan dan pemulihan dadah. *Journal of Nusantara Studies*, 4(2), 168-192.
- Kaplan, A., Martin, G., & Robbins, F. (2011). *The Psychology Of Adolescent*. New York: Mc Millan Publication.
- Kim, E. B. K., Gilman, A. B., Kosterman, R., & Hill, K. G. (2018). Longitudinal associations among depression, substance abuse and crime: A test of competing hypotheses for driving mechanisms. *Journal of Criminal Justice*, 62(1), 50-57.
- Lam Choong Kie (2017). Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar Terlibat Dalam Masalah Vandalisme di Daerah Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Mahmood, N. M. (2016). Depression among female drug users in Malaysia. Paper presented at the Women's World 2005: 9th International Interdisciplinary Congress on Women, June 19-24, Seoul, Korea.
- Mahmood, N. M., Ismail, I., Noor Azniza, I., & Muhamad Dzahir, K. (2005). Program pemulihan luar institusi untuk penagih dadah. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mahyuddin & Azizah (2016) Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Pelajar. Satu Kajian Di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-9.
- Ludin, M. M. (2015). Psikologi sosiologi dan falsafah dalam pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marican, S., Mohamed, M. N., & Ismail, R. (2007). Trend dan punca penggunaan dadah di kalangan penagih dadah wanita di negeri Sabah: Implikasi kepada rawatan dan pemulihan dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 2(2), 111-136.
- Mohamed, M. N. (2015). Penyalahgunaan dadah: Aspek undang-undang, pemulihan, rawatan & pencegahan. Batu Caves: EDU Sdn. Bhd.
- Mohamed, M. N., & Marican, S. (2012). Pengaruh rakan sebaya ke atas penyalahgunaan dadah wanita. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 15, 111-129.

- Nelson-Zlupko, L., (1996). Women in recovery. Their perception of treatment effectiveness. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 13(1), 51-59.
- Othman, L. (2009). Kajian kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ray, W., J., & Scorzelli, P.B. (1987). Drug education : Pushing or Preventing.
- Robson, C. (2002). Real world research (2nd edition). Oxford, UK: Blackwell Publication.
- Rosenbaum, M. (1981). Women on heroin. New Jersey: Rutgers University Press.
- Rosli, A. J. (2010). Sikap dan pengetahuan pelajar terhadap penggunaan dadah. Universiti Teknologi Malaysia. Thesis Sarjana Muda.
- Thom, B. (1995). Research issues concerning women and treatment provision. Women and substance misuse, Brighton
- Zili, S. & Bukoski, W.J. (2016). Drug abuse prevention: Theory, science and practice. USA: Springer.